

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN MENENTUKAN AGENSI YANG AKAN DIBERI TUGAS BAGI MENYELESAIKAN MASALAH TANAH SIMPANAN MELAYU YANG TERGADAI, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI BAHAWA KERAJAAN SEDAR AKAN MASALAH TERSEBUT.

+KITA AKAN Mencari JALAN Mengatasi MASALAH INI SERTA Mencari SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM HAL INI, + TEGASNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT YANG KE-32 MAJLIS TANAH NEGARA YANG DIHADIRI OLEH PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI. TURUT HADIR IALAH MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH, TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF.

MENURUTNYA, KERAJAAN MENGALU-ALUKAN SEBARANG AGENSI ATAU SIAPA SAHAJA YANG DAPAT MENGATASI MASALAH SIMPANAN TANAH MELAYU YANG TERGADAI ITU. — BERSAMBUNG 1305/A1

EE

B517:

TANAH 2 KUALA LUMPUR

+KITA JUGA SUKACITA JIKA ADA ANTARA 100 ORANG JUTAWAN MELAYU YANG INGIN MENEBUS TANAH YANG TERGADAI ITU, + KATANYA.

MENURUTNYA, MAJLIS ITU JUGA TELAH MEMBINCANGKAN SYARAT-SYARAT DAN UNDANG-UNDANG YANG DIKENAKAN KEPADA PARA PEMAJU SUPAYA TIDAK ADA PENIPUAN DALAM USAHA PEMBANGUNAN.

MAJLIS ITU, KATANYA, CUMA MENDAPATKAN PANDANGAN DARIPADA PARA MENTERI BESAR.

+KABINET TIDAK PUASHATI DENGAN UNDANG-UNDANG YANG ADA SEKARANG KERANA ADA KEMUNGKINAN UNDANG-UNDANG YANG KETAT AKAN MENJEJASKAN PEMBANGUNAN, + TAMBAH BELIAU.

MAJLIS ITU JUGA TELAH MEMBINCANGKAN HAKMILIK STRATA, ESTET PERINDASTERIAN DAN PERBADANAN PENGURUSAN RUMAH-RUMAH BERTINGKAT. — BERSAMBUNG 1307/A1

B518:

TANAH 3 KUALA-LUMPUR

MENGENAI HAKMILIK STRATA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TERDAPAT BEBERAPA PERKARA MENGENAINYA YANG TIDAK MEMUASKAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA PENIPUAN.

MENURUTNYA, PENIPUAN BOLEH BERLAKU DENGAN MENGADAKAN PENJUALAN KE DEPAN (FORWARD SALE) SEBELUM BANGUNAN DIBINA.

OLEH ITU, KATANYA, KERAJAAN PERLU MENGADAKAN SATU UNDANG-UNDANG YANG AKAN MEMBERI LEBIH JAMINAN BAGI PEMBELI MENGENAI HAKMILIK STRATA.

MENGENAI ESTET PERINDASTERIAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MAJLIS ITU TELAH MEMBINCANGKAN KERTASKERJA OLEH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR YANG MENGEMUKAKAN SUPAYA PEMBANGUNAN ESTET PERINDASTERIAN DIKAWAL.

KERTASKERJA ITU MENCADANGKAN SUPAYA SATU KAWASAN +BUFFER+ DIADAKAN BERASINGAN DARIPADA KAWASAN PERUMAHAN BAGI MELINDUNG ORANGRAMAI DARIPADA PENCEMARAN.

MENURUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR KABINET TELAH MENKAJI SOAL TERSEBUT DAN BERPENDAPAT IANYA TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN SATU SYARAT YANG KETAT. — BERSAMBUNG 1306/LK

TANAH 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, CADANGAN KEMENTERIAN ITU PATUT DIJADIKAN PANDUAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

MENGENAI MASALAH TANAH SIMPANAN MELAYU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MEMANDANG BERAT HAL TERSEBUT KERANA TANAH-TANAH YANG DIMILIKI OLEH ORANG-ORANG MELAYU TERHAD.

+TANAH-TANAH INI MERUPAKAN SATU ASET KEPADA ORANG-ORANG MELAYU DAN JIKA TANAH-TANAH INI HABIS DIJUAL ADA KEMUNGKINAN MEREKA TIDAK MEMPUNYAI ASET LAGI, + TEGAS BELIAU.

INI, TAMBAHNYA, AKAN MENJEJAS USAHA KERAJAAN UNTUK MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DAN MENGGALAK BUMIPUTERA MENCEBUR DIRI DALAM PERNIAGAAN.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, BADAN KEWANGAN MEMERLUKAN HARTA SAPERTI TANAH SEBAGAI CAGARAN BAGI MENDAPATKAN PINJAMAN UNTUK PERNIAGAAN.

+JIKA HARTA TANAH INI DIJUAL UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN SEMENTARA MEREKA KEMUDIAN HARI AKAN MENDAPATI SUSAH UNTUK MENCEBUR DIRI DALAM PERNIAGAAN KERANA TIDAK ADA CAGARAN, + KATANYA. —
BERSAMBUNG 1313/LK

TANAH 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI KANUN TANAH NEGARA, BELIAU BERKATA MASALAHNYA IALAH PENTADBIRAN.

BELIAU MENAMBAH KAJIAN YANG DILAKUKAN OLEH YUNIT PERMODENAN PENTADBIRAN DAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA (MAMPU) MENUNJUKKAN PENTADBIRAN TANAH MERUPAKAN SATU PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMUASKAN.

INI, KATANYA, IALAH KERANA TIDAK ADA SISTEM PENTADBIRAN YANG BAIK, PARA PEGAWAI YANG TERLATIH DAN KEADAAN BEKERJA YANG MEMUASKAN.

MENGENAI PERBADANAN PENGURUSAN RUMAH-RUMAH BERTINGKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MAJLIS ITU BERPENDAPAT SATU BADAN SAPERTI ITU PERLU DIADAKAN BAGI MENJAGA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KEPADA PENGHUNI-PENGHUNI RUMAH TERSEBUT.
— BERNAMA1315/LK